

Tubuhkan badan khas kawal Internet

UM 25 MAY 2005

KUALA LUMPUR 24 Mei — Kerajaan dicadangkan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kawalan Internet dengan segera bagi membendung isu bahan lucah di Internet.

Cadangan itu disuarakan oleh beberapa pihak yang berpendapat jawatankuasa tersebut perlu diketuai oleh beberapa agensi yang terlibat dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta penyiaran memandangkan masalah itu semakin meruncing.

Mereka yang menyifatkan cadangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam sebagai tepat pada masanya, berharap jawatankuasa yang bakal ditubuhkan itu akan tampil dengan beberapa jalan penyelesaian agar masalah berkenaan dapat diatasi dengan segera.

Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), **Shafie BP Mammal** berkata, perisian khas yang dicadangkan oleh Dr. Mahathir itu perlu diwajibkan oleh kerajaan bagi menghalang orang ramai mengakses laman web lucah.

Perkara ini sudah lama berlaku di negara ini sejak orang ramai mempunyai kebebasan untuk akses terhadap perkhidmatan Internet.

“Perisian khas ini memang

patut dipasang oleh semua orang bukan sahaja di kilang atau pejabat, malah ibu bapa juga perlu memastikannya ia berjalan lancar,” katanya ketika dihubungi oleh *Utusan Malaysia*, hari ini.

Semalam Dr. Mahathir mencadangkan agar perisian khas komputer digunakan untuk menyekat orang ramai daripada mengakses laman web lucah di Internet bagi membendung keruntuhan moral di kalangan generasi muda khususnya.

Dr. Mahathir berpendapat kerajaan dan ibu bapa perlu memasang perisian itu di pejabat dan di rumah.

Sementara itu Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), **Nordin**

Abdul Hamid berkata, kemudahan Internet yang sepatutnya dijadikan sebagai bahan rujukan dan gedung ilmu kini telah disalah gunakan.

“Dengan adanya garis panduan daripada jawatankuasa ini pastinya kebebasan untuk mengakses bahan lucah dapat dihalang.

“Kami berharap kerajaan akan memandang serius perkara ini dan jika memerlukan pandangan serta kerjasama daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kami sedia membantu,” katanya.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), **S.M. Mohamed Idris** pula memberi contoh Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) Sweden yang memperkenalkan penapis pornografi ka-

nak-kanak dan mampu menyekat pengguna Internet daripada mengakses 1,000 laman web haram.

“Di negara ini kita pun perlu mencari jalan penyelesaian yang serius seperti yang dilaksanakan oleh Sweden bagi membendung masalah itu,” katanya.

Tambahnya, setakat memasang perisian khas pada komputer di rumah bukan jawapan tepat kerana ada juga segelintir orang dewasa turut terlibat dalam aktiviti itu.

Presiden Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), **Datuk Suhaimi Ibrahim** pula berkata, penggunaan Internet di kalangan pelajar kini tidak lagi mempunyai kawalan daripada mana-mana pihak.